

Headline **150 nikmati bekalan susu percuma Dutch Lady**
Date **13 Apr 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Sentral**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **6**
Article Size **276 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,855**
PRValue **17,564**



150 nikmati bekalan susu percuma Dutch Lady

PPETALING JAYA: Kira-kira 150 pelajar kurang bernasib baik yang mengikuti kelas seni dan muzik Persatuan Start Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Start) di sini, berpeluang menikmati bekalan susu percuma daripada Dutch Lady Milk Industries Berhad (Dutch Lady Malaysia) selama setahun bermula bulan ini.

Inisiatif Dutch Lady bagi menyebarkan kebaikan pengambilan susu sebagai salah satu diet penting harian mendapat sambutan menggalakkan daripada pelajar berkenaan apabila mereka mengakui lebih peka terhadap kepentingan susu untuk pertumbuhan badan dan kesihatan mereka.

Seorang pelajar dari Rumah Perlindungan Agathians, Dinesh Kumar, 15, berkata dia berazam menjadikan pengambilan susu sebagai keperluan hariannya bagi membolehkannya membesar

dengan sihat dan dilindungi daripada penyakit.

“Saya pasti menanti kunjungan wakil Dutch Lady Malaysia yang akan menghantar bekalan susu untuk pelajar di sini kerana saya memang gemarkan susu.

“Peluang mendapat susu percuma ini diharap menjadi permulaan kepada saya dan rakan menjadikannya sebagai diet wajib,” katanya yang mengikuti kelas gitar dan tarian.

Dinesh ditemui selepas wakil Dutch Lady Malaysia mengadakan lawatan bersama media ke Start dengan 20 kanak-kanak dari Rumah Kids dan Rumah Perlindungan Kanak-Kanak Agathians di sini, kelmarin.

Hadir sama, Ketua Komunikasi Korporat Dutch Lady Malaysia, Jad Mahidin dan Pengarah Program Start, Joshua Lee.

Yogaraja Yohan, 17, dari

Rumah Kids pula berkata, dia menghargai langkah diambil

syarikat terbabit dan Start bagi memastikan golongan kurang bernasib baik terus diberikan nutrisi mencukupi sekali gus menandakan masih ada pihak yang menyayangi mereka.

“Selain mendapat bekalan susu berkhasiat, baru saya tahu mengenai kebaikan susu untuk tubuh selepas diberi sesi penerangan oleh Dutch Lady Malaysia. Sekurang-kurangnya saya dan rakan tidak dipinggirkan daripada menikmati kebaikan semula jadi,” katanya.

Victoria George, 11, berkata dia mengucapkan terima kasih kepada Dutch Lady Malaysia atas kesudian mereka membekalkan susu pelbagai perisa secara percuma di Start kerana susu adalah minuman kegemarannya.

Sementara itu, Jad berkata,

program bekalan susu percuma dari Dutch Lady Malaysia ini juga selari matlamat Start yang sentiasa memberikan keperluan terbaik kepada kanak-kanak kurang bernasib baik melalui cara yang menyeronokkan.

“Selain itu, kami mahu meningkatkan kesedaran golongan muda mengenai khasiat susu kerana Malaysia antara negara Asia yang mencatatkan pengambilan susu yang rendah iaitu 70 peratus lebih rendah berbanding negara barat.

“Justeru, kerjasama dengan Start untuk menyediakan 10 karton susu Dutch Lady atau 240 botol sebulan ini diharap turut memberi semangat dan memudahkan pelajar ini untuk terus mengasah potensi dan bakat diri mereka dalam akademik dan artistik melalui cara yang sihat,” katanya.



Jad Mahidin



Yogaraja Yohan

Headline	150 nikmati bekalan susu percuma Dutch Lady	Language	Malay
Date	13 Apr 2010	Page No	6
MediaTitle	Berita Harian	Article Size	276 cm²
Section	Sentral	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	5,855
Frequency	Daily	PRValue	17,564
Circ / Read	192,982 / 1,521,000		



Dinesh Kumar



Joshua Lee